

14/09/1999

Pemberian iklan kepada Nilam Simfoni dibantah

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Pengiklan Luar Malaysia (OAAM) sudah menghantar surat bantahan kepada Menteri Kerja Raya, Datuk S Samy Vellu mengenai keputusan kementerian itu memberikan hak pengiklanan di Lebuhraya Persekutuan II dan Jalan Lingkaran Tengah II kepada Nilam Simfoni Sdn Bhd.

Menurut sumber OAAM, persatuan itu juga menghantar surat bantahan yang sama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Surat itu dihantar sendiri Jumaat lalu, selepas Ahli Jawatankuasa OAAM mengadakan mesyuarat bagi membincangkan hal itu yang akan memberi kesan jangka panjang kepada ahlinya.

Baru-baru ini, Samy berkata keputusan menyerahkan hak pengiklanan kepada Nilam Simfoni kerana mereka bersetuju mematuhi syarat menjalankan kerja penyelenggaraan lebuhraya berkenaan dan sedia menanggung kosnya.

Samy dilaporkan berkata, syarat baru itu dirumus bagi memastikan kedua-dua pihak, iaitu syarikat pengiklanan dan kerajaan, mendapat faedah hasil projek pengiklanan di lebuhraya sepanjang 10 kilometer itu.

Berikutan itu, OAAM melahirkan rasa kurang senang mereka khususnya mengenai cara Nilam Simfoni mendapat kontrak kerana berpendapat kementerian sewajarnya memaklumkan sebarang perubahan syarat kepada OAAM yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam hal pengiklanan luar.

Sumber itu juga mendakwa Nilam Simfoni tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengiklanan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Justeru bagi menyelesaikan kekusutan itu, OAAM berharap satu pertemuan 'hati ke hati' dengan Samy dapat diadakan segera.

(END)